

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon untuk fasiliti Pinjaman Bertempoh *Pay-As-You-Grow* (PayG). Sila pastikan anda juga membaca Terma & Syarat produk ini di dalam Surat Penyerahan. Jika anda mempunyai apa-apa persoalan tentang terma dan syarat produk ini, sila ajukan persoalan anda kepada AmBank (M) Berhad.

AmBank (M) Berhad

Bagi:  
Pinjaman Bertempoh  
*Pay-As-You-Grow* (PayG)

Sept 2021

### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Ini adalah kemudahan pinjaman saudagar tanpa cagaran untuk tujuan modal kerja, berdasarkan kadar faedah harian.

### 2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Jumlah Pinjaman: RM5,000 sehingga RM300,000
- Tempoh Pinjaman: 12 Bulan, 24 Bulan dan 36 Bulan
- Kadar Faedah: Di antara
  - 6.49% rata setahun (sehingga 12% Kadar Efektif Setahun)
  - 8.18% rata setahun (sehingga 15% Kadar Efektif Setahun)
  - 9.91% rata setahun (sehingga 15% Kadar Efektif Setahun)

### 3. Apakah kewajipan kewangan saya di bawah kemudahan pinjaman?

- Kewajipan anda adalah untuk membayar ansuran bulanan secara tepat pada masa (sebelum atau pada tarikh matang).
- Pembayaran ansuran bulanan akan dipotong dari penyelesaian POS harian berdasarkan peratusan yang ditentukan semasa permohonan pinjaman.

#### Bayaran balik bulanan

| Jumlah Pinjaman (RM) | Kadar Faedah Efektif 18% setahun |          |          |
|----------------------|----------------------------------|----------|----------|
|                      | 12 Bulan                         | 24 Bulan | 36 Bulan |
| 20,000               | 1,834                            | 999      | 724      |
| 60,000               | 5,501                            | 2,996    | 2,170    |
| 90,000               | 8,252                            | 4,494    | 3,254    |
| 120,000              | 11,002                           | 5,991    | 4,339    |
| 150,000              | 13,752                           | 7,489    | 5,423    |
| 200,000              | 18,336                           | 9,985    | 7,231    |

### 4. Apakah yuran & caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem - seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (semakan 1989).  
Duti setem adalah pada 0.5% daripada jumlah pinjaman dikeluarkan.

**5. Apa yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

- i. Caj Bayaran Lewat: 1.0% setahun di atas jumlah tunggakan:
  - a. pada mana-mana amaun tertunggak yang masih belum dibayar;
  - b. pada baki jumlah yang tertunggak jika Fasiliti ditarik balik atau selepas tempoh Fasiliti tamat;
- ii. Pembayaran lalai juga akan mempengaruhi profil kredit anda.
- iii. Kami berhak menolak sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda di dalam bank kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman ini, dengan pemberian notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- iv. Tindakan undang-undang akan dikenakan sekiranya anda gagal menjawab notis peringatan daripada pihak Bank.
- v. Tindakan undang-undang yang dikenakan mungkin akan mempengaruhi penilaian kredit anda dan menyebabkan permohonan kredit pada masa depan lebih sukar atau mahal.

**6. Adakah saya perlu membayar sebarang yuran tambahan jika saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tempoh matang?**

|                         |   |
|-------------------------|---|
| Yuran Pengeluaran Awal  | Tidak dikenakan.  |
| Tempoh terkunci         | Tidak dikenakan.  |
| Bayaran pendahuluan     | Anda berhak membuat bayaran pendahuluan sehingga 2 bulan bayaran ansuran.   |
| Yuran Penyelesaian Awal | Tidak dikenakan. Namun begitu, sila berikan notis bertulis kepada pihak Bank satu (1) bulan terdahulu untuk memproses permintaan penyelesaian awal. |

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan insuran?**

Perlindungan insuran tidak diperlukan.

**8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima segala surat tepat pada masanya.

- Sila hubungi Merchant Helpdesk:

Alamat menyurat:

P.O. Box 11058, 50990 Kuala Lumpur

Tel : 03-2167 7800

Fax : 03-2167 7755

Email: merchant-helpdesk@ambankgroup.com atau kunjungi

www.ambank.com.my

(Sila tuliskan **Nombor Saudagar dan Nombor Akaun Pinjaman** sebagai rujukan).

## **10. Dimanakah saya boleh mendapatkan sebarang bantuan dan khidmat nasihat?**

- Jika anda ingin mendapatkan sebarang bantuan dan/atau maklumbalas di atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, atau anda menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin di:

AmBank (M) Berhad

Merchant Helpdesk

P.O. Box 11058, 50990 Kuala Lumpur

Tel : 03-2167 7800

Fax : 03-2167 7755

Email: [merchant-helpdesk@ambankgroup.com](mailto:merchant-helpdesk@ambankgroup.com)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Menara Bumiputra-Commerce,

Tingkat 5 & 6, Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2616 7766

web : [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

- Sekiranya maklumbalas kami ke atas sebarang aduan dan pertanyaan anda kurang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465

Fax : 03-2174 1515

Email: [bnmteletelink@bnm.gov.my](mailto:bnmteletelink@bnm.gov.my)

## **11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut atau memberi maklum balas/membuat sebarang aduan?**

Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi AmBank melalui alamat yang tertera di atas atau mengunjungi laman web kami di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau emel ke [merchant-helpdesk@ambankgroup.com](mailto:merchant-helpdesk@ambankgroup.com)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI BAKI TERTUNGGAK ANDA DENGAN SEWAJARNYA.**

SEGALA MAKLUMAT DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI ADALAH SAH DARI 10 SEPTEMBER 2021 SEHINGGA KEMAS KINI SETERUSNYA. UNTUK MAKLUMAT TERBARU SILA LAYARI [AMBANK.COM.MY](http://AMBANK.COM.MY)

***Penafian:***

*Amaun sebenar pinjaman yang akan diberikan oleh AmBank bergantung kepada penilaian kredit anda oleh AmBank. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank untuk memberikan sebarang kemudahan.*